

PNB umum agihan pendapatan bagi ASD, ASN Equity 2

Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan agihan pendapatan bagi dana harga tetap iaitu Amanah Saham Didik (ASD) sebanyak 6.25 sen seunit dan dana harga berubah ASN Equity 2 sebanyak 3.10 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.

ASD akan membayar agihan pendapatan sebanyak RM360.7 juta sebagai agihan pendapatan kepada lebih 290,000 pemegang unit yang kini memegang 5.845 bilion unit manakala ASN Equity 2 akan membayar RM46.9 juta kepada lebih 29,000 pemegang unit yang memegang 1.512 unit atau bersamaan 5.4 peratus hasil dividen.

- Setakat 31 Mei 2018, ASD merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM344.2 juta dan ASN Equity 2 (RM45.58 juta) untuk tempoh 11 bulan pertama bagi tahun kewangannya.